

CNS6651

R GB 24-1.2 00176 BA503

bah

Mohamed - Umno

PM Pengerusi Mesyuarat Penerangan Umno pada 30 Dis

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan majlis penerangan mengenai supindaan Perlembagaan Persekutuan, yang akan dihadiri oleh ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua penerangan Umno pada Rabu depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat berkata Umno juga akan melancarkan kempen penerangan di seluruh negara mengenai itu.

+ Kita berfikir sudah sampai masanya pemimpin parti di seluruh peringkat diberi kefahaman dan pengertian yang jelas mengenai tindakan parti kerajaan dalam isu tersebut, + katanya kepada pemberita di ruang legar bangunan Parlimen di sini hari ini.

Satu persidangan khas Parlimen akan diadakan pada 18 hingga 20 Jan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan kekebalan Raja-raja dari segi undang-undang.

Beliau berkata dengan cara ini pimpinan parti dapat menerima pindaan itu dengan baik dan membantu untuk menerangkannya kepada anggota-anggota parti di seluruh peringkat mengenai tindakan parti dan kerajaan. -- Lagi

▼24/12/18-33MST

CNS6694

R GB 24-12 00110 BA504

b a h

Mohamed - Umno 2 Kuala Lumpur

Mohamed berkata mudahan tindakan ini bukan sahaja dapat memberi pengertian yang lebih jelas dan tepat kepada anggota parti dan juga rakyat.

Beliau berkata kempen penerangan ini akan dikendalikan oleh Ketua Penerangan Umno, Datuk Hussein Ahmad dengan dibantu oleh ketua-ketua penerangan, negeri.

Jabatan Penerangan juga akan turut membantu di dalam usaha tersebut terutamanya di Sarawak yang tidak mempunyai parti Umno, katanya.

Tindakan kerajaan untuk meminda perlembagaan itu bukan bertujuan menghapuskan sistem raja berperlembagaan dan institusi raja, katanya.

Mohamed berkata :+ Selagi Umno ada, parti itu akan terus mempertahankan sistem raja berperlembagaan. +-- Lagi

▼24/12/19-07MST

CNS6703

R GB 24-12 00113 BA505

bah

Mohamed - Umno 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mohamed juga berkata beliau tetap teguh dengan kerajaan dan parti mengenai isu ini walaupun ada kesangsian yang wujud di sesetengah pihak mengenai pendirian beliau.

Kesangsian itu timbul kerana hubungan rapatnya dengan Sultan Johor dan juga keanggotaannya dalam Majlis Diraja Johor, katanya.

Beliau berkata hubungannya dengan Sultan Johor tetap +special+ dan amat intim walaupun dalam keadaan sekarang.

Mesyuarat Majlis Diraja Johor yang diadakan secara bulanan akan diadakan pada minggu pertama bulan hadapan dan beliau tidak mengetahui mengenai agendanya.

Bagaimanapun tanggungjawab majlis itu hanyalah di dalam hal adat, istiadat dan perlintakan raja sahaja, katanya. -- Bernama

▼24/12/19-11MST